KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	100 pelajar kurang berkemampuan terima manfaat Program Tuisyen Pintar
PAUTAN	https://tinyurl.com/22fhhx9p

BERITA Follow >Nasional Follow

100 pelajar kurang berkemampuan terima manfaat Program Tuisyen Pintar

TAUFIK SALIMIN Follow

20 September 2026 04:34pm
Masa membaca: 4 minit



Seramai 100 pelajar menerima manfaat menerusi Program Tuisyen Pintar sekali gus meningkatkan persediaan mereka menghadapi SPM.

A- A A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami

KOTA TINGGI - Seramai 100 pelajar kurang berkemampuan daripada tujuh sekolah menengah di kawasan Parlimen Tenggara menerima manfaat menerusi Program Tuisyen Pintar tajaan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Ahli Parlimen Tenggara yang juga Pengerusi RISDA, Manndzri Nasib berkata, program itu memberi peluang kepada pelajar kawasan desa setempat mengikuti tuisyen secara percuma bagi empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Matematik sebagai persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurutnya, program yang bermula sejak 4 Julai lalu itu mendapat sambutan menggalakkan apabila merekodkan kadar kehadiran pelajar hampir 90 peratus.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	RISDA sumbang kit jenazah kepada 26 masjid di Tenggara
PAUTAN	https://tinyurl.com/55u3w8sh

RISDA sumbang kit jenazah kepada 26 masjid di Tenggara

TAUFIK SALIMIN Follow

20 September 2026 04:29pm
Masa membaca: 4 minit



Manndzri (tengah) menyampaikan kit jenazah sumbangan Yayasan Risda kepada salah seorang wakil daripada 26 penerima barangan itu.

A- A A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami

KOTA TINGGI - Sebanyak 26 masjid di kawasan Parlimen Tenggara menerima sumbangan kit jenazah daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bagi membantu melancarkan urusan pengurusan jenazah di masjid berkenaan.

Ahli Parlimen Tenggara yang juga Pengerusi RISDA, Manndzri Nasib berkata, sumbangan itu merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat RISDA dalam usaha menyemarakkan aktiviti keagamaan dalam komuniti setempat.

"Kit ini sangat diperlukan untuk memastikan pengurusan jenazah dapat berjalan lancar dan kita akan meneruskan sumbangan ini pada masa akan datang," katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.

Sumbangan itu disampaikan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Parlimen Tenggara dan RISDA yang berlangsung di Masjid Al-Husna, Bandar Tenggara di sini pada Ahad.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Wilayah
TAJUK	Kolej KEDA, Modenas launch Electric Motorcycle Training Centre to strengthen Malaysia's TVET sector
PAUTAN	https://tinyurl.com/vpnyv73m



Home / Digital & Innovation / Kolej KEDA, Modenas Launch Electric Motorcycle Training Centre to Strengthen Malaysia's TVET Sector

Digital & Innovation | Featured

Kolej KEDA, Modenas Launch Electric Motorcycle Training Centre to Strengthen Malaysia's TVET Sector

Editor · 2 days ago · 2 minutes read

SIK — Kolej KEDA and Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) are strengthening Malaysia's technical and vocational education and training (TVET) capabilities through a new centre focused on electric motorcycle technology.

The Academic Centre of Excellence, known as EV-MIACE, is expected to provide specialised training while potentially developing into a research and innovation centre for electric vehicle technology.

Deputy Rural and Regional Development Minister Datuk Rubiah Wang said Kolej KEDA would become the first training institution in Kedah to offer the programme in collaboration with Modenas.

The partnership will give students access to industry expertise in electric vehicle technology while providing instructors with opportunities to upgrade their knowledge and undergo retraining as automotive technology evolves.

"The centre will not only serve as a training centre for students, but also has the potential to function as a research and innovation centre for electric vehicle technology," Rubiah said.

She was speaking after Kolej KEDA's 13th graduation ceremony and the launch of the Kolej KEDA-Modenas EV-MIACE in Sik on Sunday.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Malaysian Reserve
TAJUK	KEMAS Sabah to expand smart classroom, autism preschool next year
PAUTAN	https://tinyurl.com/3ay4tf7v

KEMAS Sabah to expand smart classroom, autism preschool next year



(Pic credit: KEMAS Sabah's Facebook)

Sunday, September 20th, 2026 at News

KOTA KINABALU — The Community Development Department (KEMAS) Sabah will expand its Tabika Smart Classroom and Tabika Tunas Istimewa programme for children with autism to every district in the state next year.

KEMAS director Ahmad Fakhrul Azman Muhammad Radzi said the move was aimed at strengthening early childhood education in Sabah to keep pace with current developments, particularly in meeting the needs of Generation Alpha and children with autism.

He said the Tabika Smart Classroom programme was introduced to adapt preschool education to Generation Alpha, who have been exposed to technology from an early age, through the provision of suitable devices such as tablets and smart TVs.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	RISDA bantu pelajar SPM
PAUTAN	https://tinyurl.com/3pdh8dwk

RISDA bantu pelajar SPM

100 pelajar kurang berkemampuan berpeluang ikuti tuisyen percuma

Oleh TAUFIK SALIMIN



Manndzri (duduk, tengah) bergambar bersama peserta Program Tuisyen Pintar bagi persediaan menghadapi SPM.

KOTA TINGGI - Seramai 100 pelajar kurang berkemampuan daripada tujuh sekolah menengah di kawasan Parlimen Tenggara menerima manfaat menerusi Program Tuisyen Pintar tajaan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) berjumlah RM40,000.

Ahli Parlimen Tenggara, Manndzri Nasib berkata, program itu memberi peluang kepada pelajar terbabit mengikuti tuisyen percuma bagi empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Matematik sebagai persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurutnya, program yang bermula sejak 4 Julai lalu mendapat sambutan menggalakkan apabila merekodkan kehadiran pelajar sebanyak 87.7 peratus.

"Tuisyen ini dijalankan secara bersemuka dan satu slot motivasi secara berpusat yang dikendalikan guru-guru cemerlang termasuk guru penanda dan penggubal soalan SPM.

"Program ini secara tidak langsung mampu melonjakkan pencapaian SPM di sekolah terlibat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan tajaan RISDA berjumlah RM40,000 kepada Program Tuisyen Pintar di Dewan Besar, Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor (KUYPJ).

Program Tuisyen Pintar merupakan inisiatif yang dikendalikan oleh Yayasan Pelajaran Mara dan diselaraskan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kulai serta PPD Kota Tinggi.

Tujuh sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Tenggara, SMK Seri Pinang, SMK Sultan Alauddin, SMK Linggiu, SMK Taman Seri Saujana, SMK Laksamana dan SMK Taman Kota Jaya.

Manndzri berkata, tajaan tersebut bertujuan mengukuhkan pelaksanaan program selain menggalakkan penyertaan pelajar kurang berkemampuan dalam persediaan menghadapi SPM.

Menurutnya, program akan diperluaskan bagi memperkukuh persediaan pelajar menghadapi peperiksaan SPM.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	RISDA sumbang kit jenazah kepada 26 masjid di Tenggara
PAUTAN	https://tinyurl.com/3ke2zaum

RISDA sumbang kit jenazah kepada 26 masjid di Tenggara

KOTA TINGGI - Sebanyak 26 masjid di kawasan Parlimen Tenggara menerima sumbangan kit jenazah daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bagi membantu melancarkan urusan pengurusan jenazah di masjid berkenaan.

Pengerusi RISDA, Manndzri Nasib berkata, sumbangan itu merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat RISDA dalam usaha menyemarakkan aktiviti keagamaan dalam komuniti setempat.

"Kit ini sangat diperlukan untuk memastikan pengurusan jenazah dapat berjalan lancar dan kita akan meneruskan sumbangan ini pada masa akan datang," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Sumbangan itu disampaikan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Parlimen Tenggara dan Risda yang berlangsung di Masjid Al-Husna, Bandar Tenggara di sini pada Ahad.

Hadir sama, Pengarah RISDA Negeri Johor, Mohd Khairuddahri Abd Rahman.

Sebelum itu, kira-kira 1,000 peserta menyertai sambutan berkenaan yang dimulakan dengan konvoi motosikal sejauh lebih lima kilometer dari Masjid Darun Nadwah, Felda Penggeli Timur ke Sekolah Menengah Agama Bandar Tenggara.

Konvoi yang diketuai Manndzri yang juga Ahli Parlimen Tenggara itu bermula kira-kira jam 8 pagi sebelum peserta meneruskan perjalanan dengan berjalan kaki dari sekolah berkenaan ke Masjid Al-Husna.

Menurut Manndzri, sambutan Maulidur Rasul kali ini diadakan secara besar-besaran di kawasan ini dengan pelbagai pengisian termasuk forum perdana bagi menghayati sejarah dan perjuangan Rasulullah SAW.



Manndzri (tengah) menyampaikan kit jenazah sumbangan Yayasan Risda kepada salah seorang wakil daripada 26 penerima barangan itu.

Sementara itu, wakil Masjid Kampung Desa Makmur, Juffri Juraimi, 74, berkata, sumbangan kit jenazah itu amat diperlukan pihak masjid bagi memastikan keperluan pengurusan jenazah sentiasa mencukupi.

"Terima kasih kepada YB Manndzri dan RISDA. Saya percaya pihak pengurusan masjid akan memanfaatkan sumbangan ini, sekali gus membantu mengurangkan perbelanjaan masjid untuk mendapatkan keperluan tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Sekolah Menengah Agama Bandar Tenggara dinobatkan sebagai juara pertandingan perarakan serta memenangi kategori sepanduk terbaik pada sambutan tersebut.

Penolong Pegawai Pentadbiran sekolah, Rosman Idris berkata, pihaknya mengambil masa kira-kira enam jam untuk membuat persiapan bagi pertandingan itu.

Katanya, seramai 33 pelajar diiringi guru dan kakitangan menyertai pertandingan berkenaan.

"Alhamdulillah, tidak sangka kami menang kerana semalam memang sangat sibuk. Pelajar ada urusan luar, jadi kami bertungkus lumus menyiapkannya pada waktu malam," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Kolej KEDA di barisan hadapan
PAUTAN	https://tinyurl.com/ysaytvbs

Kolej KEDA di barisan hadapan

Jadi institusi latihan pertama di Malaysia tawar latihan khusus teknologi motosikal elektrik bersama MODENAS

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Sik

Kolej Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) menjadi institusi latihan pertama di Kedah menawarkan latihan khusus teknologi motosikal elektrik menerusi penubuhan Academia Centre of Excellence (EV-MIACE) hasil kerjasama strategik dengan Syarikat Motosikal dan Enjin Nasional Sendirian Berhad (MODENAS).

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Rubiah Wang berkata, inisiatif itu membuktikan komitmen Kolej KEDA memperkukuh pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) selaras perkembangan teknologi serta keperluan industri semasa.

Katanya, kerjasama berkenaan turut membuka ruang kepada pelajar mendapat pendedahan secara lebih dekat terhadap teknologi baharu dalam industri automotif.

"Pada hari ini, Kolej KEDA melangkah satu tapak lagi ke hadapan menerusi pelancaran Academia Centre of Excellence (EV-MIACE), hasil kolaborasi strategik antara Kolej KEDA dan MODENAS.

"Kerjasama ini sekali gus meletakkan Kolej KEDA di barisan hadapan dalam evolusi teknologi automotif negara," katanya.



SERAMAI 482 graduan Kolej KEDA bagi sesi Disember 2024 hingga Jun 2026 diraikan pada Majlis Graduasi Kali Ke-13 Kolej KEDA.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Graduasi Kali Ke-13 Kolej KEDA di Dewan Budi Gemilang, Kolej KEDA di sini, semalam.

Rubiah berkata, EV-MIACE akan berfungsi sebagai pusat rujukan dalam bidang teknologi motosikal elektrik dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran, penyelidikan, inovasi dan kerjasama industri.

Katanya, kewujudan pusat itu juga akan membantu meningkatkan keupayaan tenaga pengajar dan pelajar menerusi pendedahan kepada teknologi terkini yang diperlukan dalam industri automotif.

"Inisiatif ini akan memperkukuh keupayaan tenaga pengajar dan pelajar melalui pendedahan kepada teknologi terkini selaras dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), teknologi hijau dan transformasi industri automotif negara," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan fasa pertama secara rintis membabitkan 25 pelajar baharu pengambilan Julai 2026 yang akan mengikuti modul pembelajaran motosikal elektrik hasil kerjasama dengan MODENAS.

Katanya, selain program sepenuh masa, EV-MIACE turut dirancang menawarkan kursus jangka pendek kepada orang awam, pekerja industri, mekanik dan individu yang mahu meningkatkan kemahiran dalam penyelenggaraan serta teknologi motosikal elektrik.

"Langkah ini dijangka membuka peluang kepada lebih ramai masyarakat mendapatkan kemahiran berkaitan teknologi berkenaan, selain menyokong pembelajaran sepanjang hayat dan keperluan tenaga kerja industri automotif.

Sementara itu, seramai 482 graduan Kolej KEDA bagi sesi Disember 2024 hingga Jun 2026 diraikan pada Majlis Graduasi Kali Ke-13 Kolej KEDA.

Daripada jumlah itu, 367 graduan adalah daripada program TVET, manakala 115 lagi graduan Tahfiz TVET membabitkan 15 Pusat Tahfiz TVET yang berkolaborasi dengan Kolej KEDA.

Seramai 327 graduan menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 membabitkan tujuh bidang iaitu Teknologi Elektrik, Teknologi Kimpalan, Teknologi Motosikal, Seni Kulinari, Teknologi Automotif serta Teknologi Fesyen Lelaki dan Wanita.

Manakala 40 graduan menerima Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal (HVAC).

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Kolej KEDA tawar latihan teknologi motor elektronik
PAUTAN	https://tinyurl.com/2vsnhh93

Kolej Keda tawar latihan teknologi motor elektronik

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@medamulia.com.my

SIK: Kolej Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) menjadi institusi latihan pertama di Kedah yang membuka laluan kepada pelajar mempelajari teknologi motosikal elektrik, sekali gus memperluas bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, modul pembelajaran itu akan dilaksana melalui kerjasama bersama Syarikat Motosikal dan Enjin Nasional Sendirian Bhd. (Modenas) yang menubuhkan Academia Centre of Excellence (EV-MIACE).

Katanya, fasa pertama pelaksanaan melibatkan 25 pelajar baharu melalui pengambilan Julai lalu membuktikan komitmen Kolej Keda dalam memperkukuh TVET selaras dengan perkembangan teknologi serta keperluan industri masa kini.

"EV-MIACE berfungsi sebagai pusat rujukan kecemerlangan dalam bidang teknologi motosikal elektrik yang memberi tumpuan kepada tiga elemen utama iaitu penyelidikan, inovasi dan kerjasama industri.

"Kerjasama ini juga meletakkan Kolej Keda di barisan hadapan dalam evolusi teknologi automotif negara," katanya pada Majlis Pelancaran EV-MIACE dan Graduasi Kali Ke-13 Kolej Keda di sini, semalam.

Rubiah berkata, inisiatif itu turut memperkukuh keupayaan tenaga pengajar dan pelajar melalui pendedahan kepada teknologi terkini, khususnya dalam bidang motosikal elektrik yang semakin berkembang seiring transformasi industri automotif.

"Pendedahan kepada teknologi terkini juga selaras dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), teknologi hijau dan transformasi industri automotif negara," katanya.

Tambah beliau, selain program sepenuh masa kepada pelajar, EV-MIACE turut dirancang diperluas kepada masyarakat melalui penawaran kursus jangka pendek kepada individu yang ingin meningkatkan kemahiran dalam bidang penyelenggaraan dan teknologi motosikal elektrik.

Katanya, inisiatif itu dijangka dapat menyokong pembelajaran sepanjang hayat selain meningkatkan kompetensi tenaga kerja bagi memenuhi keperluan industri automotif yang makin berkembang.

Dalam pada itu, seramai 482 graduan Kolej Keda sesi Disember 2024 hingga Jun lalu menerima sijil masing-masing merangkumi 367 graduan TVET dan 115 graduan Tahfiz TVET.



RUBIAH Wang (dua kiri) menyampaikan sijil kepada graduan pada Majlis Graduasi kali ke-13 Kolej Keda dan Pelancaran EV-MIACE di Sik, semalam. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	KLASIK fm
TAJUK	Malaysia dan Indonesia terus memperkukuh kerjasama strategik dalam sektor halal, pengurusan bencana serta pembangunan luar bandar
PAUTAN	https://tinyurl.com/5asw2vjn

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	KLASIK fm
TAJUK	Tiada syarikat Malaysia setakat ini dikenal pasti terlibat dalam pembakaran terbuka yang menyebabkan kebakaran di Kalimantan, Indonesia
PAUTAN	https://tinyurl.com/y2svu56m

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	KLASIK fm
TAJUK	Prabowo setuju Malaysia bantu padam kebakaran di Kalimantan
PAUTAN	https://tinyurl.com/y2svu56m

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Malaysia, Indonesia deepen cooperation in halal, disaster management and rural development
PAUTAN	https://tinyurl.com/4mcphy9z

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Tiada syarikat Malaysia terlibat: 95 syarikat di Indonesia dikenakan tindakan perundangan
PAUTAN	https://tinyurl.com/29t4zfps

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Bantu tangani kebakaran, jerebu: Indonesia sambut baik tawaran Malaysia
PAUTAN	https://tinyurl.com/29t4zfps

LIPUTAN MEDIA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	Indonesia beri lampu hijau Malaysia hantar bantuan padam kebakaran
PAUTAN	https://tinyurl.com/3x2swujj

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my